



**PERCUMA** 27 Jun - 4 Julai 2014, 29 Syaaban - 6 Ramadan 1435

Keluarga Imam  
Besar Masjid  
Negeri dibantu

muka 14

Asrama Unisel  
boleh diduduki  
Julai

muka 6

Sedia subsidi  
RM3 bilion untuk  
Rumah Mampu Milik

muka 7

Seni rakyat  
antarabangsa  
warnai PJ

muka 10



## MENARIK...

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, bersama Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Jaafar Atan, menikmati suasana baru di Laman Seni 7, sambil diperhatikan Exco Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan, Datuk Teng Chang Kim. Berkonsepkan seni jalanan, Laman Seni 7 diangkat sebagai pilihan untuk mengubah suasana lorong belakang, khususnya di kawasan komersial supaya menjadi lokasi selesa dan selamat, selain menjadi tarikan baru pelancongan ke Shah Alam

Gambar oleh Asrie Sapkie



# KIDEX: Selangor dedah laporan MMKN

OLEH NORHAYATI UMOR

**SHAH ALAM** - Dokumen sulit yang menunjukkan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) bersetuju kepada cadangan pembinaan Lebuhraya Kinrara-Damansara (Kidex) pada 15 Februari 2012 dibuka untuk pantauan awam.

Exco Belia, Sukan, Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Dr Ahmad Yunus Hairi berkata pembukaan dokumen itu dibuat menurut Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011 kepada permohonan seorang rakyat Selangor, Chia Gek Suan yang mahu melihat dokumen itu.

“Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri hari ini (25 Jun) bersetuju untuk men-dedahkan dokumen sulit kepada awam yang melibatkan keputusan MMKN ke-6/2012 pada 15 Februari 2012 ber-hubung persetujuan secara dasar yang diberikan kerajaan Selangor terhadap cadangan pembinaan Kinrara-Daman-

**Kerajaan Negeri berpendapat jika pendapatan keuntungan syarikat konsesi melebihi keuntungan jangkaan daripada jumlah trafik yang melalui lebuhraya, maka kita akan tamatkan lebih awal selepas permohonan mengikut Seksyen 3 Akta Pengambilan Tanah dibuat**

**DR AHMAD YUNUS HAIRI**  
Exco Infrastruktur

sara Expressway,” kata Yunus di satu sidang akhbar, seusai mesyuarat Exco baru-baru ini.

Dari dokumen yang diterima Selangor Kini, perjanjian itu memuatkan empat cadangan penting sebelum Kidex dapat dilaksanakan.

Antaranya, perjanjian konsesi Lebuhraya Kinrara-Damansara (Kidex) he-

ndaklah ditamatkan sekiranya pemegang konsesi meraih unjuran keuntungan sepatah sebelum tempoh konsesi tamat.

Selain itu, Putrajaya juga disaran supaya, 1) meletakkan kepentingan awam sebagai keutamaan, dan 2) mengemukakan perjanjian yang adil serta tidak memihak kepada pemegang konsesi.

Melengkapkan tiga cadangan itu, Kerajaan Negeri meminta klausu penamat-an awal perjanjian konsesi diguna pakai bagi semua lebuhraya sedia ada atau yang akan dibina.

Kesannya sekiranya cadangan itu diterima, semua konsesi lebuhraya sedia ada yang sudah mengaut keuntungan sepatah sebelum tempoh konsesi tamat akan ditamatkan.

“Penswastaan hendaklah meletakkan keutamaan atau kepentingan rakyat Malaysia amnya dan Selangor kerana ia me-libatkan cukai yang dibayar rakyat,” te-gas Yunus.

**lihat muka 2 >>**

**MB: ‘Pancung kepala’ jejas imej Islam**

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri kesal dengan ugutan ‘memancung kepala’ yang dibuat oleh Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) yang akan memberi kesan buruk kepada keharmonian pelbagai bangsa dan agama di Selangor.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata kenyataan tunjuk perasaan yang ekstrem itu tidak Islami, dan tidak memberi manfaat kepada negeri Selangor yang majmuk.

“Kita lihat kenyataan sebegini hanya mencerminkan pemikiran tidak bertamadun dan perlu ditolak semua rakyat Malaysia terutama masyarakat Islam.

“Ia ber persepsi negatif terhadap agama Islam yang sebenarnya menitikberatkan persaudaraan, keadilan, keharmonian, saling hormati-menghor-mati dan kesederhanaan,” tegas Abdul Khalid.

**lihat muka 2 >>**

&lt;&lt; dari muka depan

## MBPJ tolak lebuh raya KIDEX 3 kali

Sebelum ini, Kerajaan Negeri menganjurkan berulang kali persetujuan secara prinsip bermaksud Selangor tidak menolak pembangunan, tetapi pembinaan lebuhraya harus memuaskan terma dan syarat yang ditetapkan seperti menyerahkan laporan penilaian impak keatas alam sekitar, trafik dan masyarakat kepada pihak berwajib.

Syarat-syarat MMKN itu adalah usaha melindungi kepentingan rakyat. Kesan daripada syarat itu, projek Kidex ditolak tiga kali Majlis Bandaraya Petaling Jaya kerana pemaju gagal mengemukakan laporan yang diperlukan.

Dokumen keputusan MMKN itu antara lain juga menunjukkan LLM atau konsesi perlu memaklumkan kepada Ahli Parlimen dan Adun kawasan terkesan mengenai cadangan pembinaan lebuhraya di kawasan mereka. Langkah itu perlu supaya memudahkan wakil rakyat menjawab pertanyaan atau bantahan orang-ramai.

Dalam pada itu juga, LLM diminta memberikan taklimat kepada penduduk berhubung cadangan pembinaan KIDEX.

## Hormat titah DYMM Sultan Selangor

Kenyataan Menteri Besar itu mengulas ucapan penuh emosi pimpinan Perkasa di hadapan Istana Kayangan di Shah Alam, 23 Jun lalu. Yang Dipertua Perkasa Negeri Sembilan Ruslan Kasim berkata, mereka akan ‘tutup mulut kamu’, ‘pancung kepala kamu’, serta rela mati syahid asalkan ‘kamu mati daripada terus menjadi parasit’.

Abdul Khalid menyeru semua pihak supaya mendahulukan keharmonian pelbagai bangsa dan agama di Selangor. Dalam dua penggal pemerintahan Pakatan Rakyat (PR), Selangor berjaya mengharungi siri serangan ke atas gereja, masjid dan provokasi pijak kepala lembu terhadap penganut-penganut agama Hindu.

“Kerajaan Selangor menyeru semua pihak berhenti mengambil kesempatan di atas isu Bible demi kepentingan diri atau politik dan menghormati titah DYMM Sultan Selangor agar kes ini diserahkan kepada mahkamah,” kata beliau.

Susulan kecaman daripada Kerajaan Negeri dan orang ramai, Ruslan dilaporkan berkata ancaman Perkasa itu hanyalah retorik semata-mata.

Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri Najib Abdul Razak dilaporkan menggesa ahli Umno supaya mencontohi keberanian dan kebijaksanaan pengganas Negara Islam Iraq dan Syam berperang, demi mempertahankan Umno.

# Jika KIDEX dibatal, lima lebuh raya terjejas

OLEH NORHAYATI UMOR

**SHAH ALAM** - Pembinaan Lebuhraya Kinrara-Damansara (Kidex) perlu dilihat secara keseluruhan kerana ia sebahagian daripada jaringan enam lebuh raya bersepadu di Lembah Klang.

Selain dari Kidex, lima lebuh raya yang terbabit dalam jaringan itu adalah Lebuh Raya Lembah Klang Timur (EKVE), Lebuhraya Sungai Besi-Ulu Klang (Suke), Lebuhraya Serdang-Kinrara-Putrajaya (Skip), Lebuhraya Damansara-Shah Alam (Dash) dan Lebuhraya Pantai Barat (LPB).

“Kalau satu tak dibina, satu lagi tak jadi.

“Rakyat Selangor perlu melihat rangkaian lebuh raya yang dicadangkan LLM secara keseluruhannya,” kata Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, seusai mempengerusikan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, baru-baru ini.

Jaringan enam lebuh raya ini bukan satu sahaja penyelesaian kepada peningkatan lalu lintas di Selangor.

Abdul Khalid berkata, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa diarah untuk mengkaji keberkesanan lebuh raya sedia ada daripada aspek penyuraian trafik, pembangunan setempat dan kesan kepada penggunaan pengangkutan awam.

“


**Rakyat Selangor perlu melihat rangkaian lebuh raya yang dicadangkan LLM secara keseluruhannya**

**ABDUL KHALID**  
Menteri Besar

Berdasarkan taklimat oleh pihak jabatan, MMKN diberitahu terhadap 23 lebuhraya sudah siap dibina.

Serentak dengan itu, Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor diberi tanggungjawab untuk mengkaji perancangan itu dan mengemukakan rancangan sistem pengangkutan awam yang baru.

“Kita arahkan Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor untuk buat kajian tentang enam lebuh raya yang dalam perancangan ini, untuk merangka pelan sistem pengangkutan awam bersepadu dengan matlamat untuk meningkatkan penggunaan pengangkutan awam daripada 12 peratus hari ini kepada 50 peratus menjelang 2035,” kata Abdul Khalid.



Mengulas bantahan penduduk terhadap pembinaan lebuhraya, Abdul Khalid berkata persetujuan Kerajaan Negeri hanya diberi secara dasar. Tegasnya, pengambilan tanah serta permit tidak dibolehkan jika terma dan syarat seperti Laporan Penilaian Alam Sekitar, Laporan Penilaian Lalulintas termasuk Laporan Penilaian Kesan Sosial tidak diberi atau diterima pihak berkuasa negeri.

“Kita akan kaji bantahan mereka. Sekiranya kajian mendapati pembinaan lebuh raya beri kesan negatif, kita tidak akan laksana. Tetapi jika bantahan tentang isu-isu teknikal dan penilaian, kita akan cuba selesaikannya,” kata Abdul Khalid.



**LAWAN...** sebahagian daripada 80 penduduk Kampung Chubadak Tambahan yang menunjuk perasaan di hadapan Bangunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), bagi membantah perobohan kampung warisan Melayu oleh pemaju dan DBKL

OLEH NAEEM RAFFI

**PUCHONG** - Berbanding lawatan Selangor Kini bulan lalu, Tasik Seri Aman kini lebih bersih, dan udaranya lebih nyaman.

Ini kerana, Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) telah memulakan kerja-kerja pembersihan di tasik yang tercemar teruk akibat kerja-kerja penambakan haram dengan sampah.

Timbalan Pengarah Perancangan Korporat MPSJ, Muhammad Azli Miswan, berkata kontraktor lantikan MPSJ mula bertugas sejak 21 Jun lalu bagi melaksanakan kerja-kerja pembersihan.

"Tasik ini dalam proses pemulihian. MPSJ boleh bantu, tetapi untuk mengekalkannya, perlukan kerjasama semua pihak termasuk penduduk."

"Sekiranya penduduk berkerjasama dengan MPSJ dan faham konsep betapa pentingnya menjaga kebersihan, perkara seumpama ini tidak terjadi," jelasnya ketika ditemui Selangor Kini.

Hadir sama Ahli Majlis MPSJ, Rosharizan Mohd Rozlan dan Penolong Pengarah Jabatan Penyuatuwa, Tarmidi Kadri.

Tinjauan Selangor Kini mendapati kontraktor pembersihan sedang giat menjalankan kerja-kerja mengorek dan mengangkat keluar timbunan sampah di tepi tasik berkenaan.

Sekurang-kurangnya lapan buah jentera 'backhoe', dua buah lori 10 tan dan lima buah lori roro dibekalkan untuk kerja-kerja pembersihan tersebut. Selain itu sebuah bot turut digunakan bagi melakukan kerja-kerja pembersihan dibahagian tengah tasik.

Kontraktor membekalkan 15 pekerja dilokasi pembersihan dalam satu-satu masa.

Kerja-kerja pemulihian tasik tersebut dijangka siap sepelebihnya Julai depan dengan

Syabas MPSJ, YDP

# Tasik Seri Aman kembali berseri!



“

**Tasik ini dalam proses pemulihian. MPSJ boleh bantu, tetapi untuk mengekalkannya, perlukan kerjasama semua pihak termasuk penduduk**

**MUHAMMAD AZLI MISWAN**  
Timbalan Pengarah Perancangan Korporat MPSJ

kos pembersihan RM55,000 menerusi sebut harga.

Azli berkata, sekiranya penduduk menjaga kebersihan dan prihatin kepada persekitaran, kes penambakan dan pembuangan sampah seperti ini dapat diatasi di peringkat awal dan kos pembersihan dapat digunakan untuk pembangunan infra yang lain.



"MPSJ serius dengan kes ini dan berharap penduduk menjadi 'mata-mata' kepada MPSJ."

"Mereka dapat menyalurkan maklumat terus kepada MPSJ sekiranya kes pembuangan sampah atau kerja-kerja penambakan haram ini berulang," katanya.

Manakala, Ketua Kampung Seri Aman, Mohd Asri Yunus



rasa sukacita diatas tindakan proaktif MPSJ membersihkan tasik tersebut.

Asri berkata pihaknya akan mengaktifkan lagi Skim Rondaan Sukarelawan (SRS) di peringkat kampung dalam memastikan kes seumpama itu tidak berulang.

Lagi Berita di muka 4



## Kronologi Tindakan Bersepadu MPSJ

**20 Mei 2014**

Lawatan bersepadu ke Taman Tasik Seri Aman.

- Kenal pasti masalah atas aduan penduduk

**27 Mei 2014**

Laksana kerja-kerja pembersihan awal

- Bersih longgokan sampah dan tumbuhan liar ditebing tasik
- Beberapa lori roro dan jengkaut dihantar untuk kerja pembersihan

**Laksana 'Ops Pacak'**

- Gali longkang besar dan letak penghadang konkrit halang lori sampah
- Enam lokasi pembuangan sampah aktif dikenal pasti

**28 Mei 2014**

Tarikh luput bagi sebut harga kontraktor pembersihan

**21 Jun 2014**

Kontraktor dilantik mula tugas pembersihan

- 15 pekerja (setiap sesi), 8 backhoe, 2 lori 10 tan dan 5 lori roro
- Tasik dijangka pulih Julai depan

## Antara sepak terajang politik dan muslihat dunia korporat

DALAM dunia politik, ada sepak terajangnya; dalam bidang korporat, juga ada tipu muslihatnya.

Pendek kata, setiap perkara ada ‘bahasa, undang-undang dan permainannya’.

Dalam isu Kidex, kepintaran memahami makna tersirat dalam setiap tindak - rundingan atau intipati perjanjian, sangat penting.

Ini kerana semua pihak ada kepentingan dan setiap dari pada mereka mahu mendapat lebih keuntungan.

Ini yang dilakukan Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, iaitu mengulangi taktikal ketika menangani isu Projek Pengukuhinan Sistem Kawasan Tengah (CAR) tidak lama dahulu.

Mulanya, Abdul Khalid tidak menghalang Tenaga Nasional Berhad (TNB) daripada meneruskan projek itu di Kampung Sungai Terantang. Kemudian, memberi dua cadangan yang sebenarnya menyusahkan TNB.

Akhirnya, selepas proses panjang, Kerajaan Persekutuan terpaksa akur kepada syarat Kerajaan Selangor. Ironinya, tiada pula bising-bising seperti sekarang.

Dalam isu Kidex, sekalipun Abdul Khalid memberi persetujuan secara dasar, tetapi beliau kemudian mula membentang syarat demi syarat bagi memastikan kebijakan rakyat terbaik.

**Selangorkini**  
**EDITORIAL**



Ini sekaligus menangkis tohmannan ramai termasuk segelintir pemimpin Pakatan Rakyat (PR) kononnya Kerajaan Selangor bersetuju bulat-bulat.

Namun, dalam bahasa politik, lain ceritanya. Sepak terajangnya, tipu muslihat sangat berbeza.

Persetujuan itu dibaca sebagai tunduk kepada Kerajaan Persekutuan pimpinan Umno-BN. Juga bertentangan dengan aspirasi PR, khususnya dalam aspek dasar berkaitan tol dan pemberian konsesi projek.

Tanpa menyelami muslihat dunia korporat, Abdul Khalid menjadi mangsa sepak terajang politik dari segenap arah.

### Mengapa Kidex?

Kerana ia ‘kejayaan yang belum dan hampir pasti lambat berlaku’.

Maka, serangan lebih mudah dihala berbanding isu pengambilan konsesi air - mulanya lancang dikritik tetapi akhirnya semua membisu sebaik sahaja ia memenangkan rakyat Selangor.

Secara mudah, Kidex dalam bahasa politik, bukan sebenarnya isu, sebaliknya tidak lebih sebagai senjata yang dipolitikkan pihak tertentu.

*Ketua Pengarang*

## Atasi paip pecah di Pulau Ketam, Sg. Lima

OLEH NAEEM RAFFI

**SHAH ALAM** - Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) digesa menangani masalah paip pecah di dasar laut dengan segera bagi membolehkan 5,921 pengguna di kawasan Pulau Ketam dan Sungai Lima menerima bekalan air bersih.

Adun Selat Kelang, Dr Halimah Ali turut menggesa Syabas belajar daripada pengalaman lalu dan mencari kaedah terbaik agar masalah sama tidak berulang.

“Mahu atau tidak, Syabas perlu ambil serius perkara ini dengan memikirkan jalan terbaik bagi mengatasi kes seumpamanya daripada terus berulang.

“Sekiranya tidak, apa jaminan masa depan untuk penduduk di Pulau Ketam dan Sungai Lima,” jelasnya ketika dihubungi Selangor Kini.

Kawasan Pulau Ketam dan

Sungai Lima terputus bekalan air tidak berjadual sejak 21 Jun lalu ekoran kejadian paip pecah di dasar laut dengan jarak paip sepanjang 18 kilometer.

Sekurang-kurangnya 1,184 akaun pengguna di kedua-dua kawasan itu terputus membekalkan air bersih apabila paip bersaiz 450mm, jenis High Density Polyethylene (HDPE) dilaporkan bocor.

Syabas dalam satu kenyataan berkata, tempoh sekurang-kurang seminggu diperlukan bagi melakukan kerja-kerja pembaikan.

Syabas juga mencari khidmat tenaga penyelam profesional dan peralatan pembekalan khusus untuk kerja-kerja pembaikan paip di dasar laut.

“Sudah tentu ia menyusahkan penduduk di sana. Mereka bukan berada di tanah besar (Darat) yang mudah mencari talian hayat sekiran-

nya air dari tangki simpanan mereka habis.

“Ia bukan sahaja jeaskan kehidupan harian penduduk di sana, mata pencarian pengusaha hotel, restoran dan industri perikanan juga turut terjejas,” kata Halimah.

Sebelum ini, penduduk Pulau Ketam pernah terputus bekalan lebih tiga minggu.

Kejadian pada 13 Oktober 2008 itu juga berpunca daripada masalah paip pecah di dasar laut.

Selangor Kini difahamkan kejadian pada tahun 2008 itu berpunca daripada sauh dari kapal yang melalui kawasan jajaran paip yang membekalkan bekalan air bersih ke Pulau Ketam.

“Ini adalah masalah yang berulang dan Syabas sendiri mengakui kerja-kerja baik pulih paip bocor di dasar laut bukan suatu yang mudah serta memerlukan masa panjang,” jelasnya.

## Ajaib pemilik lot tasik bertukar nama!



Taman Rekreasi Tasik Seri Aman yang menjadi pertikaian banyak pihak

**PUCHONG** - Majlis Perbadanan Subang Jaya (MPSJ) mendapati nama-nama pemilik di beberapa lot tanah dalam Taman Rekreasi Tasik Seri Aman bertukar nama.

Timbalan Pengarah Perancangan Korporat MPSJ, Muhammad Azli Miswan, berkata pihaknya kini bekerjasama dengan Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) Petaling bagi menjelaki senarai pemilik terkini.

“Carian di dalam sistem mendapati nama-nama pemilik ini bertukar. Bila menyentuh soal tanah dan pembahagian lot, ia tertakluk di bawah bidang kuasa PTD.

“Jadi, kami bekerjasama dengan PTD Petaling untuk mengenal pasti pemilik sebenar lot-lot tersebut,” jelasnya.

Sebelum ini, siasatan Selangor Kini ke atas isu tersebut menimbulkan beberapa petunjuk penting.

Difahamkan, kerja menambak tasik dengan sampah itu dilakukan secara agresif oleh kumpulan tertentu yang mendakwa mereka sebagai pemilik tanah.

Lebih memerlukan lagi, tasik yang digazetkan sebagai taman rekreasi itu telah diagih-agihkan antara 12 lot sehingga 20 lot.

Kesannya, tasik seluas 12 ekar itu mula dipenuhi sampah, sejak setahun lalu.

**Selangor Kini**

### SIDANG PENGARANG

**PENASIHAT:** Faekah Husin  
Arfa'eza Abdul Aziz

**KETUA PENGARANG:** Fazallah Pit

**PENGARANG BERITA:** Hafizah Mokhtar **PEMBANTU PENGARANG:** Rusidah Salim

**WARTAWAN:** Afeeqa Afeera: afeeqa\_afeera@yahoo.com,

Hafizah Taib: hafiztaib@yahoo.com, Naeem Raffi: naeemraffi85@gmail.com,  
Afix Redzuan : afixredzuan@gmail.com, Lizawati Madfa : lizalyn84@gmail.com,

Norhayati Umor: chayunkyyatt@gmail.com, Nazli Ibrahim : nazlibrahim@gmail.com,

Norfarahidayu Baharudin : ayu\_tvs@yahoo.com

**JURUGAMBAR:** Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Asri Sapie

**GRAFIK & REKA LETAK:** Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,  
Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: newsselangorkini@gmail.com

OLEH SHAZNI MUNIR  
MOHD ITHNIN

**S**ebenarnya, di Selangor ada beberapa isu membatikan tanah penduduk yang persis kontroversi Kidex iaitu projek Kerajaan Persekutuan yang dibangunkan di Selangor.

Salah satunya ialah Projek Pengukuhan Sistem Kawasan Tengah (CAR), sebuah projek pemasangan kabel bervoltan tinggi yang memakan jajaran pembinaan sejauh 59 kilometer.

Projek mega itu meliputi 1.5 kilometer sebuah kampung di Rawang iaitu Kampung Sungai Terentang.

Namun, projek membabitkan kampung itu yang sepatutnya dimulakan pada 2007, ditangguh selepas penduduk mengemukakan permohonan seaman kehakiman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

Bantahan demi bantahan dikemukakan (termasuk Kerajaan Selangor) sehingga menatijahkan keputusan penangguhan itu.

Mungkin kerana tertekan dengan keputusan itu, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam Utusan Malaysia bertarikh 22 Julai 2011 menyatakan bahawa seluruh kawasan tengah Semenanjung Malaysia akan bergelap dan ia berpotensi menjegaskan ekonomi negara jika projek CAR tidak diteruskan.

Namun, jauh sebelum pergelutan itu itu hangat di media, pada 27 September 2008, sebagaimana laporan Bernama, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata Kerajaan Selangor tidak pernah menghalang TNB daripada meneruskan Projek CAR di kampung itu.

Selain mengambil sikap tidak menghalang, beliau sempat menyatakan langkah yang harus dibuat pemaju, cadangan sama sebagaimana Kidex ketika ini, iaitu mengadakan beberapa perjumpaan dengan penduduk, keterlibatan konsultan bebas serta mengesyorkan projek itu diteruskan dengan dua cara.

# Dari Kampung Sungai Terentang ke KIDEX

Ia ialah menanam kabel bawah tanah agar tidak langsung melibatkan pengambilalihan tanah, seterusnya membolehkan penduduk kampung terus tinggal atau wujudkan laluan alternatif yang tidak melibatkan ramai penduduk.


Selepas September 2008, langkah yang dilihat menyusahkan TNB itu terpaksa dipenuhi Kerajaan Persekutuan. Proses yang memenatkan TNB itu berlangsung dalam tempoh panjang.

Namun, Kerajaan Selangor konsisten dengan mekanisme itu sekalipun pelbagai alasan dikemukakan TNB.

Tekanan Kerajaan Selangor jelas dalam kenyataan Sekretariat Akhbar pada 22 Disember 2011 yang menyebut Kerajaan Negeri mengarahkan TNB untuk mempertimbangkan pembinaan pencawang elektrik bagi Projek CAR di jajaran baru, iaitu di sepanjang Lebuhraya Persekutuan Rawang-Ipo.

Keputusan itu diambil setelah Kerajaan Negeri mendengar taklimat syarikat perunding kejuruteraan Aecom New Zealand yang menyebut jajaran baru itu disyor atas

**Kita melihat kaedah sama yang sedang dipraktis Kerajaan Selangor terhadap Kidex. Yang penting tanah dan hak rakyat akhirnya dimenangkan. Yang lurus akan menang, yang curang akan tewas. Manfaatkanlah ruang kepercayaan untuk beri yang terbaik kepada rakyat**



faktor kos paling minimum serta ketiadaan impak terhadap penduduk setempat.

## Tangani Secara Bijak

Dan, pada 31 Januari 2013, Selangor Kini memaparkan kejayaan Kerajaan Negeri apabila TNB akhirnya akur dengan syor Kerajaan Selangor dengan membuat jajaran lain untuk Projek CAR.

Selain menyelamatkan 5,000 penduduk Kampung Sungai Terentang, keputusan itu sekaligus menyelamatkan Kampung Batu 16 dan Sekolah Menengah Kebangsaan Batu 16 Rawang serta beberapa



bangunan awam lain.

Sama ada ia sebahagian daripada kebijaksanaan politik yang cuba dibuktikan Abdul Khalid Ibrahim atau helah bagi menundukkan pihak yang lebih besar supaya akur dengan syor Kerajaan Negeri, hakikatnya semua trick itu selari dengan perkara yang diperuntuk dalam Kanun Tanah Negara dan menepati Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.

Atas maksud pembinaan infrastruktur awam misalnya, Kerajaan Negeri tidak boleh menolak permohonan Kerajaan Persekutuan untuk mengambil alih tanah.

Malah, mengikut Kanun Tanah Negara, pengambilan tanah demi kepentingan awam dibenarkan dan dalam bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

Kerajaan Negeri hanya dibenarkan dengan alasan yang sangat munasabah, mempertikai kuantum pampasan yang bakal diterima oleh mereka yang terjejas.

Justeru, langkah Kerajaan Selangor yang memberi kenyataan awal seolah-olah bersetuju dan tidak menolak projek Kerajaan Persekutuan sebenarnya memandangkan skop bidang kuasa Kerajaan Persekutuan yang sangat luas dan hampir mutlak.

Ia terutama dalam hal ehwal yang melibatkan infrastruktur, kemudahan awam dan pembangunan secara umum yang mana Kerajaan Negeri hanya mempunyai peranan memberi nasihat.

## Menangkan hak rakyat

Namun, di pusingan kedua, kerajaan Selangor dilihat menggunakan sepenuhnya kuasa untuk mencadang jajaran alternatif sebagaimana yang termaktub dalam Akta Pengambilalihan Tanah.

Di sinilah yang menjadi bargain Kerajaan Negeri hingga Kerajaan Persekutuan akur dengan syor yang akhirnya memihak kepada rakyat.

Kita melihat kaedah sama yang sedang dipraktis Kerajaan Selangor terhadap Kidex. Yang penting tanah dan hak rakyat akhirnya dimenangkan. Yang lurus akan menang, yang curang akan tewas. Manfaatkanlah ruang kepercayaan untuk beri yang terbaik kepada rakyat.

Namun, asakan luar biasa pimpinan Pakatan Rakyat terhadap Kerajaan Negeri khususnya Menteri Besar Selangor dalam isu Kidex menimbulkan tanda tanya di ruang pemikiran khalayak.

Kaedah sama dan corak penyelesaian yang hampir serupa sedang digerakkan Kerajaan Negeri pimpinan Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dalam isu Kidex.

Menghairankan kerana Kidex seakan-akan menjadi punching bag terhadap Abdul Khalid, tidak seperti semasa Projek CAR sebelum ini yang menyaksikan sebahagian besar pemimpin Pakatan berdiri di belakangnya.

Tertanya-tanya juga, adakah Abdul Khalid semasa Kidex dan Abdul Khalid semasa Projek CAR di Kampung Sungai Terentang, sosok berbeza? Atau memang sengaja diwujudkan skrip respon berlainan terhadap kedua-dua isu ini?

Jika benar, siapa penulis skripnya?

\* Shazni Munir ialah Koordinator Gabungan Tanah Rakyat (TANAH)

## UNISEL antara IPTS terbaik Malaysia

**KUALA SELANGOR** - Pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) disarankan memilih Universiti Selangor (Unisel) untuk menyambung pengajian mereka di peringkat tinggi.

Naib Canselor, Prof Dr Anuar Ahmad berkata, Unisel adalah salah satu institut pengajian tinggi swasta (IPTS) yang diakui terbaik di negara ini dengan lebih 70 pensyarah berstatus doktor falsafah (PhD).

Katanya, 50 daripada kesemua 86 kursus pengajian ditawarkan turut menerima pengiktirafan Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

"Kita tawarkan program terbaik dengan harga yang sangat rendah.

"RM26,000 kita tawarkan untuk tiga tahun pengajian, sedangkan IPTS lain jumlah itu hanya untuk setahun, malah ada yang setakat boleh tumpung pengajian satu semester sahaja," katanya dalam sidang media di kampus Besari Jaya.

Turut sama Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, Dr Halimah Ali yang terdahulu melakukan lawatan ke asrama pelajar perempuan yang siap dibaik pulih.

Sementara itu, Anuar mengakui terdapat peningkatan yuran dilakukan namun ia tidak melebihi kadar ditetapkan kementerian sebanyak 30 peratus daripada kadar sebelumnya.

"Sesetengah yuran bagi program tertentu memang dinaikkan tetapi tidak lebih 30 peratus.

"Katakan sebelum ini RM10,000, selepas dinaikkan menjadi RM15,000 dan ini masih rendah. Di IPTS lain takkan dapat harga begini.

"Kita juga tidak boleh naikan tinggi, Kerajaan Negeri tidak benarkan," katanya lagi.



Asrama yang bakal menempatkan pelajar Julai ini

# Asrama UNISEL boleh diduduki Julai

OLEH LIZAWATI MADFA

**KUALA SELANGOR** - Asrama pelajar perempuan Universiti Selangor (Unisel) akan siap dibaik pulih dan sedia untuk diduduki menjelang Julai ini.

Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, Dr. Halimah Ali berkata kerja-kerja baik pulih yang menelan kos RM60 juta kini berada dalam peringkat akhir.

Katanya, Asrama Puteri Unisel sedia terima pelajar untuk sesi kemasukan Ogos nanti.

"Kita berikan tarikh akhir untuk kontraktor siapkan kerja-kerja ini pada penghujung Jun kerana mengambil kira kesusahan pelajar terpaksa berulang-alik jauh.

"Sepatutnya bila tinggal dalam kampus, mereka boleh gunakan fasiliti yang ada dalam

kampus untuk aktiviti persatuan, kokurikulum dan lain-lain," katanya dalam sidang media di Unisel yang turut disertai Naib Canselor Unisel, Prof Dr Anuar Ahmad.

Terdahulu, Halimah melakukan tinjauan di blok Asrama Puteri dan Loji Rawatan Kumbahan (STP) Unisel dengan ditemani pengurus projek dari Pemerbadanan Menteri Besar (MBI), Ahmad Mohd Taib.

Mengulas kerja baik pulih loji, Halimah berkata, Kerajaan Negeri menggunakan teknologi 'epoxy resin' dari Jerman dengan jaminan selama 500 tahun.

"Selepas kajian dibuat, kita sedar sistem kumbahan dari asrama tidak sampai kepada STP, jadi kita guna kaedah berteknologi tinggi, di mana paip baru dimasukkan dalam paip lama.



Dr Halimah dibawa melawat ke Asrama Puteri

"Sepatutnya kerja-kerja ini kalau ikut kaedah biasa makan masa berbulan-bulan, tetapi teknologi ini menjimatkan masa. Mulai 1 Julai pelajar sudah boleh masuk asrama," katanya lagi.

Sebelum ini, saluran sistem kumbahan dari asrama berkenaan tidak sampai kepada STP menyebabkan berlaku ta-

kungan serius sisa buangan di kawasan bawah bangunan asrama.

"Sejak dibina sembilan tahun dahulu, memang STP ini tidak sempurna, ibarat gajah putih sahaja, ada tetapi tidak boleh berfungsi langsung. Sepatutnya ini tidak berlaku. Apapun kita sudah baik pulih," katanya lagi.



Meninjau asrama yang bakal menempatkan pelajar



Loji rawatan kumbahan yang sedang dibaik pulih

OLEH NAEEM RAFFI  
AFIX REDZUAN

**P**erbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) memperuntukkan lebih RM3 bilion sebagai dana subsidi untuk pembangunan Rumah Mampu Milik (RMM) dalam usahanya membantu rakyat memiliki rumah.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Peneroka Bandar, Iskandar Abdul Samad, berkata dengan subsidi tersebut membolehkan RMM yang bakal dibina itu nanti ditawarkan pada harga bawah RM150,000, iaitu lebih rendah daripada harga pasaran.

“Projek RMM ini bertujuan membantu rakyat Selangor yang berpendapatan sederhana memiliki kediaman sendiri pada harga berpatutan.

“Tanpa membuat keuntungan (projek mega), PKNS tidak mampu menyediakan subsidi sejumlah itu (RM3 bilion) bagi membangunkan projek RMM pada harga berpatutan kepada rakyat,” jelasnya dalam sidang media di Hotel De Palma, Ampang, baru-baru ini.

Inisiatif holistik yang dirangkumkan dalam program Rumah Idaman Negeri Selangor (Idaman PKNS) ini selari

# Sedia subsidi RM3 billion untuk Rumah Mampu Milik



dengan hasrat Kerajaan Negeri dalam menyediakan RMM dengan konsep persekitaran lestari yang lebih tersusun dan kondusif.

Jelas Iskandar, RMM yang dibangunkan PKNS itu juga mesra Orang Kelainan Upaya (OKU) dan warga emas, selain

menekankan konsep keharmonian komuniti.

“Bukan setakat pendapatan isi rumah, keperluan sosial serta peringkat demografik turut diambil kira dalam menghasilkan kejiraninan yang terancang, selesa serta dilengkai dengan kemudahan lengkap,” katanya.

## RMM untuk rakyat

**PERBADANAN** Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) bercadang membangunkan 5,384 unit Rumah Mampu Milik (RMM) di Gombak.

Exco Perumahan, Iskandar Abdul Samad berkata, projek itu akan dibangunkan di atas tapak seluas 63.5 ekar di Seksyen 9, Kota Puteri.

“Selaras dengan perancangan tersebut, PKNS melalui Bahagian Pembangunan Bisnes kini dalam proses mendapatkan kelulusan merancang dari pada Majlis Perbandaran Selangor (MPS).

“Pembangunannya akan

dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti kawasan lapang, taman permainan kanak-kanak, pondok kawalan keselamatan, tempat letak kereta dan pelbagai lagi,” jelas Iskandar.

Pembangunan projek tersebut melibatkan empat fasa dan dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh tujuh hingga 10 tahun.

Bagi fasa pertama, sebanyak 1,528 unit RMM akan dibina dan dijangka siap dalam tempoh 3 tahun.

Terdapat empat jenis unit rumah yang dibina dengan pecahan Jenis A, B, C dan D.

Jenis Unit	Keluasan (kp)	Bil. Unit	Harga Seunit(maks)
A	700	1,168	RM 42,000
B	750	328	RM 100,000
C	800	970	RM 150,000
	900		RM 180,000
D	1,000	2,918	RM 220,000

## Rumah Mampu Milik PKNS

### BUKIT BOTAK (Kediaman Berkembar)

**KEJAYAAN** Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) membangunkan 1,422 unit kediaman berkembar bagi projek penempatan semula setinggan di Bukit Botak menarik minat pelbagai pihak termasuk negara luar.

Delegasi dari Pulau Pinang, Palestine dan Afrika pernah berkunjung untuk melihat sendiri pembangunan projek pro-rakyat itu.

Kediaman berkembar dengan rekabentuk moden itu dilengkapi tiga bilik tidur serta dua bilik air dengan keluasan lantai 850 kps.

Dengan tanggungan subsidi sebanyak RM80 juta, PKNS menawarkan unit standard bagi rumah berkembar tersebut pada harga serendah RM99,000 kepada peneroka bandar.

### BANDAR BARU BANGI (Pangsapuri)

**PANGSAPURI** enam tingkat merangkumi 124 unit di Seksyen 3 Bandar Baru Bangi mula dibangunkan pada 2011 dan siap sepenuhnya pada September 2013.

Ia meliputi dua jenis reka bentuk yang dijual pada harga sekitar RM60,000 hingga RM144,000 bergantung kepada keluasan lantai unit.

Majlis penyerahan kunci kepada pembeli akan diadakan pada 13 September ini.

PKNS menanggung subsidi sejumlah RM12 juta untuk projek tersebut.

### DESA ALAM (Pangsapuri)

**PKNS** membangunkan 104 unit kediaman dengan keluasan lantai antara 750 hingga 850 kaki persegi di Desa Aman, Seksyen U12, Shah Alam.

Projek pembinaan pangsapuri enam tingkat itu adalah usahasama PKNS dengan Debbin Sdn Bhd. Dengan rekabentuk yang menarik, projek ini juga mewarkan suasana kondusif dengan 3 bilik tidur dan 2 bilik air.

Projek ini ditawarkan pada harga RM69,000 hingga RM120,000 sebuah. Keseluruhan subsidi yang akan ditanggung untuk projek ini adalah sebanyak RM9.5 juta.

### ANTARA GAPI (Teres 1½ tingkat)

**PKNS** menawarkan RM-100,000 hingga RM120,000 bagi seunit rumah teres 1 ½ tingkat di Antara Gapi.

Pembangunan 129 unit ru-

mah teres 1 ½ tingkat itu dijangka mendapat subsidi berjumlah RM4.2 juta dan dijangka siap pada suku pertama 2015.

# Album

8 | Selangorkini 27 Jun - 4 Julai 2014



▲ Adun Chempaka, Iskandar Samad, menyampaikan cenderahati kepada peserta program Treasure Hunt anjuran Jawatankuasa Penduduk (JKP) MPAJ Zon 24 di Taman Segar



▲ Adun Ijok, Dr Idris Ahmad, menyerahkan buku pada Majlis Penyampaian Sijil Bacaan Bahasa Inggeris, anjuran The Reading Bus Club, Kuala Lumpur dan Kolej Taylor, Subang, di Perpustakaan Komuniti, Ijok



▲ Sempena Kempen Cegah Jenayah Ragut, Adun Sekinchan, Ng Suee Lim, menyampaikan bakul besi keselamatan untuk basikal



▲ Adun Kota Anggerik, Yaakob Sapari, meluangkan masa serta program gotong-royong bersama penduduk Pangaspuri Cempaka, Bandar Baru Klang



► Pelancaran Gotong-Royong Perdana peringkat DUN Sijangkang di Pekarangan Taman Perwira Telok Panglima Garang. Pada majlis tersebut, Ketua Penerangan PAS Pusat, Datuk Mahfuz Omar dan Adun Sijangkang, Dr Yunus Hairi, menanam pokok, sebagai simbolik perasmian



## 81 orang pelajar cemerlang DUN Gombak Setia dirai

**SERAMAI** 81 orang pelajar cemerlang diraikan pada Hari Anugerah Kecemerlangan Pelajar 2014 peringkat DUN Gombak Setia.

Pemberian sijil penghargaan dan wang saguhati disampaikan Adun Gombak Setia, Hasbullah Ridzwan, sebagai tanda pengiktirafan kepada usaha dan pencapaian pelajar.

"Kejayaan bukan sahaja datang daripada usaha keras guru-guru ataupun pelajar, tetapi juga sokongan dan komitmen ibu bapa serta doa yang tidak putus," katanya.



**HASBULLAH RIDZWAN**  
Adun Gombak Setia

## Tahniah kepada Pasukan SMK Meru FC

**ADUN** Meru, Dr Rani Osman, meraikan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Meru yang berjaya mewakili Malaysia dalam Kejohanan Bolasepak MUPC Pering-

**DR RANI OSMAN**  
Adun Meru

kat Asia Pacific di Phuket, Thailand.

Dr Rani dalam pertemuan itu mengucapkan tahniah dan sedikit nasihat kepada Pasukan SMK



Meru FC kerana terpilih dalam Kejohanan Antarabangsa itu.

"Semasa di sana, jaga akhlak dan jangan tinggal solat walaupun berada di luar negara, apatah lagi bila berjauhan dengan ibu bapa," nasihat beliau.



### PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR KENYATAAN TENDER

CADANGAN PEMBANGUNAN KOMPLEKS PEJABAT 4-8 TINGKAT BERSERTA 1 TINGKAT TEMPAT LETAK KERETA SUB-BESMEN DI ATAS PT. 43, PRECINT 8.8 JALAN INDAH, SEKSYEN 14, 40000 BANDAR SHAH ALAM, DAERAH PETALING SELANGOR DARUL EHSAN

-KERJA-KERJA NSC-

Tender adalah dipelawa kepada Kontraktor-kontraktor Bumiputera yang mempunyai Sijil Perolehan KerjaKerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIP/CIDB) dalam Gred Kategoridan Pengkhususan yang berkaitan dan juga berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) dalamagred, ketegori yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT DAN TARikh DOKUMEN DIJUAL	TARikh TENDER DITUTUP
CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN SYATEM LAMPU LUAR BANGUNAN, LAMPU LANDSKAP DAN LAMPU KUNANG-KUNANG (EXTERNAL LIGHTING, FLOOD LIGHTS AND COMPOUND LIGHTING)  No. Kontrak PKNS/IP/SA/KON-9/2011(EL)	CIDB : Gred G4 KategoriE Pengkhususan E11 E04, E06, E11  Dan  KKM : KodBidang 140301 140302 140501 140502 140503	Bahagian Perolehan Tingkat 7, Menara HPAIC SEKSYEN 13 SHAH ALAM  Pada :  1 Julai 2014 Hingga 15 Julai 2014	12 Ogos 2014  Jam 12.00 Tengahari

1. Taklimat akan di adakan pada 30 Jun 2014 Jam 9.30 Pagi bertempat di BILIK GERAKAN TINGKAT 9, MENARA HPAIC, LAMAN SERI BUSINESS PARK NO.7, PERSIARAN SUKAN SEKSYEN 13, 40100 SHAH ALAM. Kehadiran adalah DIWAJIBKAN
2. Bayaran Dokumen Tawaran adalah RM 500.00 dan hendaklah dibuat dalam bentuk Draf Bank atau Kiriman Wang di atas nama PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR (bayaran ini tidak akan dikembalikan).
3. Naskah Dokumen Meja Tawaran boleh di semak di Bahagian Perolehan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor pada waktu pejabat bermula 01 Julai 2014
4. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada Kontraktor atau wakil yang sah sahaja. Sekiranya pihak Kontraktor ingin menghantar wakil, sila bawa bersama surat perwakilan kuasa. Kontraktor dikehendaki membawa SURAT PERWAKILAN KUASA, PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN SIJIL PEROLEHAN KERJA KERJAAN DARI LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB) SERTA SIJIL PENGKITRAFAN TARAF BUMIPUTERA dan satu salinan bagi ketiga-tiga Sijil tersebut semasa membeli dokumen tender.
5. Dokumen Tawaran Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat:-

BAHAGIAN PEROLEHAN  
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR  
TINGKAT 7 MENARA HPAIC, LAMAN SERI BUSINESS PARK,  
NO.7, PERSIARAN SUKAN SEKSYEN 13,  
40100 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN  
No. Tel : 03-55201234  
<http://etender.pkns.gov.my>

6. Tender yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup tidak akan dilayan. Perbadanan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran lain.



## Kesenian rakyat antarabangsa warnai PJ

OLEH NAZLI IBRAHIM

**PETALING JAYA** - Dua perkataan – teruja dan terpesona masih tidak mencukupi bagi membayangkan kepuasan apabila berpeluang menyaksikan kesenian rakyat dari lapan negara dan lima negeri yang mengambil bahagian.

Persembahan kesenian rakyat

Filipina, Ghana, Iran dan Korea Selatan, Jakarta dan Indonesia dan Thailand, mewarnai 'Festival Antarabangsa Petaling Jaya 2014: Festival Kesenian Rakyat', baru-baru ini.

Selain persembahan kesenian rakyat dalam dan luar negeri, orang ramai juga berpeluang menyaksikan demonstrasi penyediaan dan merasai pelbagai makanan dari pelbagai negara luar serta demonstrasi permainan tradisional.



# Minat mendatangkan keuntungan

OLEH NORFARAHIDAYU  
BAHARUDIN

**P**ADA mulanya sekadar mengisi masa luang selepas bersara, kini minatnya mendatangkan hasil yang lumayan.

Fatma Yunis, 58, pesara tukang masak selama hampir 30 tahun di hotel terkemuka di Kuala Lumpur.

Awal pembabitan, sekadar mengisi waktu terluang dengan menjahit songkok, sebelum memulakan perniagaan menjahit pakaian wanita serta lelaki.

"Pada mulanya sekadar untuk penuhi masa dan minat, tapi akhirnya saya sedar minat ini dapat beri pendapatan tambahan kepada saya dan suami," jelasnya.

Minatnya terhadap aktiviti menjahit mendapat sambutan baik suami, Syafrul Aziz, 55 yang merupakan seorang pemandu teksi sekitar Klang dan Shah Alam.

Berbekalkan modal RM1,500 dan sebuah mesin jahit baju, Fatma mengambil keputusan untuk bersama rakannya menjadi saiq kepada SKIM Mikrokredit Selangor (Skimsel).

Siapa sangka perniagaannya mendapat sambutan baik dan bertambah maju. Dari menjahit di rumah, kini Fatma miliki kedai dan 6 mesin menjahit baju serta sebuah mesin menjahit tepi.

"Pada awalnya memang saya tidak berkira. Saya terima apa sahaja jenis tempahan walaupun betulkan kaki seluar kerana saya tahu walaupun upahnya kecil, namun tetap rezeki," tambahnya.

"Pinjaman pertama RM3,000 dan pinjaman kedua RM5,000, saya banyak gunakan untuk beli peralatan menjahit. Terbaru saya buat pinjaman sebanyak

RM10,000, di mana pada pinjaman inilah saya gunakan bukan sahaja untuk tambah peralatan menjahit, namun untuk perbaiki kedai sewa," katanya.

Ibu kepada lima orang anak ini juga turut menerima tempahan pelbagai jenis songkok, selain menerima tempahan baju Melayu, baju kurung dan jubah.

Kini, Fatma bukan sahaja mempunyai syarikat enterprise, beliau juga mempunyai pembantu kedai. Selain itu beliau juga menjadi pengedar songkok kepada kedai-kedai terpilih dan turut mengadakan kelas membuat songkok kepada mereka yang berminat.

Baru-baru ini, Fatma dijemput Skimsel untuk menjadi tenaga pengajar kepada suri rumah yang berminat untuk mempelajari cara membuat kek selain menjahit.

Pada Fatma, aktiviti yang disediakan Skimsel sangat bagus kerana aktiviti sedemikian dapat menambah ilmu serta kenalan untuk beliau dan rakan lain terus giat berusaha dan berjaya.

"Saya bersyukur dapat ditemukan dengan Skimsel kerana bukan sahaja berikan pinjaman tanpa faedah, Skimsel juga berikan kursus serta peluang kepada kami untuk maju ke hadapan," tambahnya. Upah yang dikenakan pun semurah RM25.

"Selama saya bermula 3 tahun ini, pengalamannya memang berbeza dengan pengalaman bekerja selama hampir 30 tahun. Seronoknya bermula tidak dapat digambarkan berbanding bekerja," katanya.

## KEDAI FATMA

Kepada mereka yang berminat untuk membeli songkok dengan harga serendah RM12, membeli baju tradisional mahupun jubah lelaki dan perempuan serendah RM50, bolehlah ke kedai Fatma atau hubunginya

011-1430 4991



“

**Pada mulanya sekadar untuk penuhi masa dan minat, tapi akhirnya saya sedar minat ini dapat beri pendapatan tambahan kepada saya dan suami**

**FATMA YUNIS**

Pemilik Kedai



**CASA TROPIKA**

SPRINGTIME OF LIFE

## KESEMPURNAAN GAYA HIDUP BERSAMA KAMI


Alami dan nikmati kemudahan yang terbaik di Casa Tropika.

Berdekatan dengan 8 buah sekolah, 2 pasar raya besar dan 1 gedung membeli-belah.

Si manja kini tidak perlu lagi bangun terlalu awal untuk menunggu bas. Justeru, masa yang berkualiti boleh diperuntukkan untuk aktiviti lain yang lebih bermanfaat.

Untuk membeli-belah, pasar raya besar dan gedung serbaneka yang menjadi keperluan keluarga terletak berdekatan dan dihubungkan dengan lebuh raya utama. Kunjungan keluarga dan rakan taulan pastinya lebih mudah dan selesa.

Terletak di kawasan yang strategik tanpa kesesakan lalu lintas, Casa Tropika sememangnya suatu pelaburan yang bijak dan tidak harus dilepaskan demi masa depan keluarga dan kestabilan kewangan anda.



016-228 8661


[www.casatropika.com.my](http://www.casatropika.com.my)

Pemaju:



We Create Caring & Distinctive Lifestyle  
TSI Property Development Sdn Bhd (20000181-R)  
18-1, Jln 7/118, Queen's Avenue, Block 10, Jln Shafie, 55100 KL.  
Tel: 03-9296 6333 Fax: 03-9296 6222 Website: [www.tsigen.com](http://www.tsigen.com)

Ejen Pemasaran Eksklusif:



<http://www.facebook.com/twinrealty>  
<https://twitter.com/TwinsRealty>



**UNIT TERHAD**  
Siap Untuk Didiami





## Pakej Sukan Lasak Masa untuk anda terbang! Meluncur Udara di Bukit Jugra.

Harga daripada RM380 Seorang

Program:

- Bertemu wakil Tourism Selangor di KLIA / LCCT atau Hotel (sekitar Selangor)
- Diambil dan dibawa ke Bukit Jugra
- Taklimat daripada Persatuan Luncur Udara Malaysia
- Berlari dan melompat tebing untuk mula terbang!
- Dihantar ke KLIA / LCCT atau Hotel (sekitar Selangor) selepas aktiviti.

Harga sah minimum untuk dua orang

Termasuk:

- pengangkutan
- Aktiviti Luncur Udara
- Insurans Perjalanan



## Pakej Sukan Lasak

### Aktiviti Berakit & Alam Semula Jadi

#### 2 Hari 1 Malam

Harga Daripada RM548 Seorang

Hari 1: Ketibaan - Aktiviti Berakit  
Bertemu di tempat berkumpul.

Dibawa untuk pengalaman berakit di Hulu Selangor dari 9:00am-3:00pm.  
Selepas aktiviti, bertolak ke Rumah Rehat Sri Berkat, Bukit Fraser.  
Aktiviti sendiri dan bebas pada waktu malam.

#### Hari 2: Sri Berkat-Batu Cave

Sarapan di Sri Berkat. Dibawa ke Batu Cave untuk lawatan.  
Dihantar ke tempat berkumpul.

Termasuk:

- Pengangkutan
- Makan (sarapan, makan tengah hari, makan malam)
- Penginapan 1 malam di Rumah Rehat Sri Berkat, Bukit Fraser
- Pengalaman berakit di Hulu Selangor.


Harga Daripada RM548 Seorang

Harga sah minimum untuk dua orang

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Tourism Selangor Sdn Bhd  
F-4-G & F-6-G, Jalan Multimedia 7/AG  
CityPark, i-City, Seksyen 7,  
40000 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03 - 5521 8640  
Emel: [reservation@tourismselangor.my](mailto:reservation@tourismselangor.my)  
[www.tourismselangor.my](http://www.tourismselangor.my)



# Seni jalan serlahkan kreativiti anak muda

OLEH AFEEQA AFEERA

**SHAH ALAM** - Berkonsepkan seni jalan, Laman Seni 7 boleh dilawati pengunjung serta dijadikan lokasi penganjuran sebarang aktiviti bermanfaat antaranya lukisan mural, persembahan muzik jalanan (basking) dan jualan kraftangan.

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Mohd Jaafar Mohd Atan, berkata kewujudan laman seni itu bertujuan mengubah persepsi negatif masyarakat terhadap lorong belakang yang tidak terurus menjadi pusat tumpuan pelancong.

Beliau berkata, ia juga bagi menggalakkan aktiviti seni dan budaya, selain menyerlahkan kreativiti orang ramai, khususnya generasi muda melalui lukisan serta menjadi produk pelancongan baru di Shah Alam.

"Kita banyak lorong belakang sama ada di kawasan perumahan atau komersial yang sering dianggap jijik, tetapi mulai 2013 Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) melalui program Zon Bersih memberanikan diri untuk bangunkan lorong belakang.

"Kita naik taraf Seksyen 7 ini sebagai tempat yang baik dan selamat sama seperti di Seksyen 2 yang dijadikan titik permulaan," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Laman Seni 7, di Jalan Plumbum, baru-baru ini.

Mohd Jaafar berkata, Laman Seni 7 dilakukan di kawasan seluas 206 meter membatikan 56 pemilik premis perniagaan di pusat komersial terbit.

"Kawasan ini akan jadi tumpuan siang dan malam. MBSA mahu buktikan bahawa paradigma lorong belakang yang kotor dapat diubah," katanya.

Lukisan mural yang dipilih di laman seni itu adalah melalui pertandingan Laman Seni 7 yang mempertaruhkan empat kategori iaitu '3D Painting', '3D Installation', 'Street Furniture' dan 'Painting On Site' dengan tawaran hadiah wang tunai berjumlah RM71,000.

Majlis dirasmikan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim. Hadir sama Exco Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan, Datuk Teng Chang Khim.



Zakaria Shariff, johan kategori Street Furniture





Noraida, menyampaikan sumbangan kepada Pengarah HTAR, Dr Sukumar Mahesan

## RM100,000 bantu biayai kos perubatan

**KLANG** - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) menyerahkan sumbangan zakat RM100,000 kepada Tabung Kebajikan Perubatan Malaysia (TKPM) Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) bagi meringankan beban golongan berhutang atau 'Gharimin' dalam membiayai kos perubatan.

Timbalan Pengurus Besar PKNS, Noraida Mohd Yusof, berkata sumbangan itu juga melayakkan golongan penjamin memenuhi keperluan asas diri, keluarga dan tanggungannya yang memerlukan penyelesaian segera megikut syarak.

"Antara individu yang boleh memohon sumbangan ini adalah pesakit kronik yang berhutang atau kekurangan sumber pembiayaan serta syarat utama penerima bantuan adalah Islam.

"Melalui bantuan ini, kami harap dapat bantu ringankan beban mereka yang tidak mampu tanggung pembayaran bil hospital atau alat sokongan perubatan," katanya pada majlis penye-

rahan wang zakat berkenaan.

Noraida berkata, program tanggungjawab sosial itu bukan kali pertama diadakan kerana PKNS juga mengadakan lawatan ke wad pediatrik bersama rakan media, pada Disember 2012.

Program lain yang dilaksanakan termasuk mengadakan lawatan dan menyampaikan sumbangan kepada wad kanak-kanak di Hospital Serdang dan program Zikra Bersama Asnaf dengan kerjasama Lembaga Zakat Selangor, pada 22 Mei dan 5 Jun lalu.

“

**Kami harap dapat bantu ringankan beban mereka yang tidak mampu tanggung pembayaran bil hospital atau alat sokongan perubatan**

**NORAIDA  
MOHD YUSOF**

Timb Pengurus Besar PKNS

## Keluarga Imam Besar Masjid Negeri dibantu



Rodziah memperkatakan sesuatu kepada Ahmad Zaki tentang Mushaf Tartil, warisan Allahyarham Ahmad Mustafa, sambil diperhatikan Nurazira

OLEH NORHAYATI UMOR

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri menyumbang RM10,000 kepada keluarga Imam Besar Masjid Negeri, Allahyarham Ahmad Mustafa Al-Muqri yang meninggal dunia 9 Jun lalu.

Sumbangan disampaikan Exco Kebajikan dan Hal Ehwal Wanita, Rodziah Ismail kepada isteri Allahyarham, Nurazira Ahmad Bashir.

Hadir sama, Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam (Jais), Ahmad Zaki Arshad.

Rodziah berkata, sumbangan itu sebagai tanda prihatin Kerajaan Negeri terhadap Allahyar-

ham yang banyak meninggalkan jasa kepada Kerajaan Negeri maupun rakyat Selangor.

Katanya, pihaknya juga akan melihat keperluan balu Allahyarham dan anak-anaknya dari masa ke semasa.

"Seperti biasa Kerajaan Negeri mengiktiraf peranan individu yang meninggalkan jasa yang besar kepada Kerajaan Negeri.

"Jadi kita akan lihat keperluan mereka yang lain dan cuba membantu dari segi pendidikan anak-anak dan sebagainya."

"Allahyarham berkhidmat sebagai imam di Masjid Negeri selama 13 tahun, sudah tentu perjalan beliau sangat dirasai,

khususnya warga Selangor kerana Allahyarham sangat aktif dengan program keagamaan," katanya.

Sementara itu, Nurazira berkata, beliau terharu dengan keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap kebajikan keluarganya.

"Sangat berterima kasih dan terharu dengan sumbangan ini dan gembira dengar apabila ada pihak yang sudi bantu untuk dapatkan pekerjaan, tempat tinggal dan pendidikan anak-anak," katanya.

Allahyarham menghembuskan nafas terakhir pada usia 39 tahun di IJN akibat komplikasi jantung selepas enam hari dimasukkan ke institut itu.



Sumbangan bernilai RM2.38 juta diagihkan kepada surau dan masjid di Selangor

## RM2.38 juta untuk moreh Ramadan

**SHAH ALAM** - Sempena Ramadhan tahun ini, Kerajaan Negeri memperuntukkan sumbangan moreh sebanyak RM2.38 juta kepada kira-kira 400 masjid dan lebih 1,500 surau di seluruh Selangor.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata setiap masjid akan menerima sebanyak RM1,650, surau yang mendapat kebenaran solat Jumaat RM1,250 sementara surau biasa RM1,000.

Selain itu, katanya, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) juga akan

memberi elauan kepada imam-imam hafiz yang terpilih untuk memimpin solat terawih, tazkirah dan qiamullail.

"Sumbangan ini sebagai galakan kepada anggota jawatankuasa masjid dan surau bagi menghidupkan Ramadan dengan ibadat.

"Kita berbangga dengan prestasi pengurusan masjid dan surau yang sentiasa mendapat sambutan umat Islam bagi menjayakan pelbagai aktiviti pengimaranan khususnya di sepanjang Ramadan," ucapnya di

hadapan lebih 200 tetamu.

Beliau berkata demikian sewaktu ucapan perasmian Seminar Pengurusan Masjid dan Surau sempena Penyerahan Sumbangan Moreh Ramadan 1435 hijrah yang turut dihadiri Mufti Selangor, Datuk Setia Mohd Tamyes Abdul Wahid dan Exco Hal Ehwal Islam, Sallehen Mukhyi.

Turut diadakan ialah majlis Penganugerahan 5 Bintang seluruh negeri Selangor di mana 20 buah masjid berjaya mendapat pengiktirafan itu sepanjang tahun lepas.

OLEH NAEEM RAFFI

**SHAH ALAM** - Seramai 80 pemandu teksi bernaung di bawah Persatuan Pemandu Teksi dan Kereta Sewa Daerah Kuala Langat, kini menarik nafas lega apabila masalah mereka mendapat perhatian serius Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

ADUN Morib, Hasnul Baharuddin, berkata masalah lokasi hentian teksi tidak strategik itu akan dibincangkan di Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) terlebih dahulu sebelum satu tindakan khusus diputuskan.

"Menteri Besar sedia maklum akan perkara ini dan ia akan dibincangkan dalam MTES yang turut melibatkan peranan SPAD dan Pejabat Tanah dan Daerah.

"Kerajaan Negeri akan berusaha mendapatkan kembali tanah tersebut untuk dijadikan tapak teksi," jelas Hasnul.

Beliau berkata demikian selepas perjumpaan Wakil Persatuan Pemandu Teksi dan

# Masalah teksi: MB ambil perhatian serius

Kereta Sewa Daerah Kuala Langat bersama Menteri Besar di Bilik Menyuarat Dewan Anex, 18 Jun lepas.

Hasnul berkata, dengan adanya hentian baru itu, suasana perkhidmatan pengangkutan awam di wilayah itu lebih lancar selain memudahkan orang awam mendapatkan perkhidmatan teksi.

"Diharap Kerajaan Negeri dapat mengambil semula tanah berkenaan daripada pemaju swasta bagi pembangunan terminal teksi yang lebih efisien," jelasnya.

Sebelum ini Persatuan Teksi dan Kereta Sewa Kuala Langat berada di hadapan Perhentian Bas Banting sebelum ia dipindahkan ke terminal baru di Bazaar Banting pada tahun 2008.

Lokasi baru yang berada

200 meter dari lokasi asal itu dilihat kurang strategik kerana berada di bangunan yang terselindung dari kawasan tumpuan orang ramai.

Kesannya, pelanggan semakin berkurangan selain aktiviti kereta sapu yang mengambil penumpang sewa-

nang-wenangnya semakin berleluasa.

Sebagai penyelesaian sementara, pemandu teksi dan kereta sewa memohon kebenaran kepada Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) untuk menggunakan empat petak parkir di hadapan hentian bas.




Hasnul Baharuddin

## Taman Temenggung Kuala Selangor & Taman Ijok Damai Pekan Ijok

**Lot Bumiputera Sahaja**  
\* Potongan 7% untuk bumiputera

Rumah Berkembar 2 Tingkat



Pemaju: Soon Sin Hin Development Sdn Bhd (316863-U)

No. 26 & 28, Jalan Medan Niaga 4, Medan Niaga Kuala Selangor, 45000 Kuala Selangor.

Sila hubungi sekarang : 03-3289 8827

Taman Ijok Damai : Lesen Pemajuan Perumahan : 7096-12/01-2015/01159(L); Lesen Permit Iklan Dan Jualan: 7096-12/01-2015/01159(P); Sah untuk 1 tahun: 10-01-2014 hingga 09-01-2015; Kelulusan Pelan Bangunan: Majlis Daerah Kuala Selangor; No Pelan Bangunan :MDKS: 2804/7/2012-1720; Tarikh Dijangka Siap: 2014; Tanah Pajakan : 99 Tahun; Jenis: Rumah Berkembar 2 Tingkat; Luas Tanah : 33'x90 ; Harga JuAlan : Dari RM548,000.00; Semua item di atas adalah tertakluk kepada perubahan, pengubahan, penggantian sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak berkuasa atau yang disyorkan oleh Arkitek atau Jurutera. \*\* Taman Temenggung Kuala Selangor siap dengan CF

WAKTU SOLAT SELANGOR							
27 JUN - 4 JULAI 2014							
29 SYA'ABAN - 6 RAMADAN 1435H							
<b>Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam</b>							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
27 Jumaat	5:33	5:43	7:07	1:19	4:45	7:28	8:44
28 Sabtu	5:34	5:44	7:07	1:19	4:45	7:28	8:44
29 Ahad	5:34	5:44	7:07	1:19	4:45	7:28	8:44
30 Isnin	5:34	5:44	7:08	1:20	4:45	7:29	8:44
01 Selasa	5:34	5:44	7:08	1:20	4:45	7:29	8:44
02 Rabu	5:35	5:45	7:08	1:20	4:46	7:29	8:44
03 Khamis	5:35	5:45	7:08	1:20	4:46	7:29	8:45
04 Jumaat	5:35	5:45	7:08	1:20	4:46	7:29	8:45
<b>Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat</b>							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
27 Jumaat	5:35	5:45	7:09	1:21	4:47	7:30	8:46
28 Sabtu	5:35	5:45	7:09	1:21	4:47	7:30	8:46
29 Ahad	5:36	5:46	7:09	1:21	4:47	7:30	8:46
30 Isnin	5:36	5:46	7:09	1:22	4:47	7:31	8:46
01 Selasa	5:36	5:46	7:10	1:22	4:47	7:31	8:46
02 Rabu	5:37	5:47	7:10	1:22	4:48	7:31	8:46
03 Khamis	5:37	5:47	7:10	1:22	4:48	7:31	8:47
04 Jumaat	5:37	5:47	7:10	1:22	4:48	7:31	8:47

**"Jom Daftar & Dapatkan Penyata Simpanan Tawas rm1,500"**

**Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)**

Maklumat lanjut sila layari [www.tawas.org.my](http://www.tawas.org.my)


**Manfaat:**

- Skim Khairat Kematian bernilai RM 1,500 \*
- \* Berkualiti pada 1 Mac 2014
- Hadiah Kelahiran 2008 : Baucer Jom Shopping RM 100
- Hadiah Kelahiran 2009 : Bonus RM 30
- Hadiah Kelahiran 2010 : Bonus RM 30
- Hadiah Kelahiran 2011 : ..... ?
- Hadiah Kelahiran 2012 : ..... ?

**selangorku**

Pendaftaran TAWAS adalah untuk anak-anak Selangor sebelum mencapai usia 1 tahun.

atau hubungi **03 - 5521 8740 / 8741**



OLEH HAFIZAN TAIB

**SHAH ALAM** - Kelab Bola sepak Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB FC) menjuarai Piala Liga Super (FAS) 2014 selepas mengalahkan Kelab Bola Sepak Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ FC) 1 - 0 dalam perlawanan akhir di Stadium MPSJ, Subang Jaya pada 20 Jun lalu.

PNSB FC mencipta kemenangan itu menerusi gol tunggal dihasilkan pemainnya daripada sepakan percuma pada saat-saat akhir permainan dalam masa tambahan selepas masa penuh 90 minit.

Perlawanan antara PNSB FC dan MPSJ FC ternyata menarik apabila kedua-dua pasukan mempunyai kekuatan seimbang dan saling cabar mencabar bagi memburu kejuaraan.

Selepas separuh masa pertama tanpa sebarang gol, PNSB FC dan MPSJ FC masing-masing bangkit memburu gol dengan meningkatkan serangan ke kubu lawan.

Persaingan getir itu bagaimanapun mencetuskan kekasaran pada satu ketika hingga menyebabkan seorang pemain daripada kedua-dua pasukan dilayangkan kad merah.

Meskipun bermain dengan 10 pemain, PNSB FC tidak patah semangat dengan terus mengasak pertahanan pasukan tuan rumah sehingga berjaya memecah kebuntuan dengan gol kemenangan dalam

## PNSB FC juara Piala Super FAS 2014



masa tambahan.

Penampilan pemain muda PNSB FC yang bermain dengan baik sepanjang perlawanan di mana mereka ini dipilih darip-

da pelatih Akademi Bolasepak PNSB sendiri.

Penaung PNSB FC, Ketua Pegawai Eksekutif PNSB, Datuk Ahmad Omar amat berpuas ha-

ti dan gembira dengan kejayaan pasukan berjaya merangkul gelaran Juara Piala Liga Super (FAS) 2014.

Selain Ahmad, hadiah tu-

rut disampaikan Yang Dipertua MPSJ, Datuk Asmawi Kasbi dan Naib Presiden Persatuan Bolasepak Selangor (FAS), Datuk Emran Kadir.

**Selamat Menyambut**  
**Ramadan**  
*Al-Mubarak*

Ikhlas daripada  
**YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim**  
Dato' Menteri Besar Selangor

**selangorku**